

07/04/2001

Rakyat perlu kekalkan perpaduan

Azmi Md Deros

IPOH, Jumaat - Rakyat perlu mengekalkan perpaduan kaum yang dipupuk sejak negara mencapai kemerdekaan kerana ia menjadi kunci kepada kemajuan dan pertumbuhan yang pesat negara selama ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata persefahaman dan perpaduan kaum perlu dipertahankan kerana ia menjadi faktor yang penting kepada kejayaan negara ini mencapai kemajuan yang jauh lebih pesat berbanding negara membangun lain.

"Dengan perpaduan yang kukuh itu, rakyat pelbagai lapisan boleh melakukan kegiatan harian mereka tanpa rasa takut atau bimbang, sebaliknya ia dijalankan dalam suasana yang aman dan tenteram.

"Rakyat Malaysia juga mampu menguasai segala ilmu di dunia ini bagi membangunkan negara jika kestabilan dan hubungan baik antara kaum ini dapat dikekalkan.

"Kebolehan rakyat negara ini telah terbukti dengan kemampuan menguasai segala ilmu dan kecekapan di dunia yang begitu canggih dengan mudah, terutama kemampuan negara menjadi negara ketiga terbesar pengeluar mikrocip di dunia.

"Mikrocip digunakan hampir dalam semua barangan yang terdapat di dunia ini, bahkan kapal angkasa yang mendarat di bulan membawa mikrocip yang dibuat di Pulau Pinang, Malaysia," katanya berucap di majlis jamuan makan malam bersama rakyat di Bangunan Perak Darul Ridzuan di sini, malam ini.

Hadir sama, Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali.

Beliau berkata, perpaduan kaum di kalangan rakyat negara ini terbukti kerana walaupun berlaku pergaduhan membabitkan dua kumpulan rakyat berketurunan Melayu dan India di Jalan Klang Lama baru-baru ini, ia tidak merebak di merata ke seluruh negara.

"Walaupun baru-baru ini berlaku ada pihak tertentu membabitkan orang Melayu dan India merusuh hingga menyebabkan enam orang terbunuh, ia tidak menyebabkan berlakunya ketegangan kaum di seluruh Malaysia.

"Kita menganggap ia satu kejadian jenayah dan negara kita masih aman serta hubungan kaum masih baik," katanya.

Perdana Menteri mahu rakyat meneruskan sikap cintakan keamanan dengan tidak menyertai usaha pihak tertentu dan berkepentingan yang sengaja mahu mencetuskan ketidaktenteraman.

Katanya, dalam membangunkan negara, kerajaan juga mengamalkan dasar pengagihan pembangunan yang sama rata antara semua negeri dari Perlis hingga ke Sabah serta tidak hanya bertumpu di ibu kota sahaja.

"Di Malaysia, semua negeri dari Perlis hingga ke Sabah mengalami pembangunan pesat, termasuk di luar bandar," katanya.

(END)